

# Konvensyen Kumpulan Inovatif UMS ke-3

Oleh I.SAB KHAN MUKARAB SHAH

i.sabkhanUB@gmail.com

UB 29/11/2012 B16

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UMS 2012 untuk kali yang ketiga.

Naib Canselor UMS, Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata penganjuran konvensyen berkenaan sememangnya wajar dilaksanakan pada setiap tahun bagi menerapkan konsep ‘Knowledge-based’ dan ‘Creativity-driven’ kepada organisasi.

Menurutnya, ianya bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada mutu perkhidmatan yang berkualiti.

“Dengan cara berkenaan, secara tidak langsung mampu mewujudkan semangat berpasukan dan memupuk nilai dan etika kerja yang positif.

“Selain itu, dengan menggalakkan KIK para kakitangan boleh menyuarakan sesuatu



**ABDULLAH (kanan) ketika menerima cenderamata.**

cadangan penyelesaian terhadap sesuatu masalah kepada pengurusan UMS,” katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif UMS ke-3 di sini, kelmarin.

Teks ucapan ini disampaikan oleh Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said.

Harun berkata, konvensyen KIK adalah salah satu usaha berterusan UMS untuk terus maju ke hadapan ke arah meningkatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan kepada

pelanggan.

“Konvensyen KIK juga adalah salah satu platform untuk memberi ruang dan peluang kepada kakitangan dalam membantu organisasi memilih, mengenalpasti dan menganalisis masalah yang berkaitan dengan kerja melalui teknik, kreativiti serta daya inovasi,” katanya.

Beliau berkata, adalah wajar bagi para kakitangan untuk terus memupuk dan menghayati usaha-usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti agar dapat mencapai objektif konvensyen itu.